



Pemenang pada IGE 2014 bergambar kenangan.

# Litar Volthief

## elak pembaziran tenaga

Oleh Sarah Aina Shawal  
sarah.aina@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**D**ua pelajar Kolej Komuniti Hulu Langat berjaya mencipta 'Volthief Stand Holder' yang berupaya menyerap keluar sumber tenaga tidak boleh diperbaharui.

Penghasilan produk oleh Amyrul Affendy Ani dan Muhammad Raimi Rasydan Lokeman itu memabitkan litar volthief yang bersesuaian dengan penggunaan bateri sel kering.

Amyrul Affendy berkata, 'Volthief Stand Holder' dapat mengelakkan

pembaziran hingga 90 peratus daripada jumlah tenaga yang masih tersimpan dalam sebiji bateri sel kering jenis alkali, terutama AA, AAA dan 9V.

"Ramai tidak mengetahui bahawa bateri digunakan dalam peralatan seperti elektronik, tidak boleh digunakan sehingga benar-benar habis.

"Bagaimanapun dengan menggunakan litar ini, kandungan bateri sel kering dapat digunakan secara maksimum yang boleh memberikan manfaat, sekali gus menyumbang kepada pemuliharaan alam sekitar," katanya.

### Menang pingat emas

Lebih membanggakan, inovasi terbabit berjaya memperoleh Anugerah Pingat

Emas pada Pameran Inovasi dan Teknologi Hijau (IGE) 2014 di Kuantan, Pahang, baru-baru ini.

Penciptaan produk berkenaan menggunakan bateri sel kering bersama-sama litar elektronik yang turut memanfaatkan bahan kitar semula daripada 'Compact Fluorescent Lamp', iaitu toroid atau ferrite, dengan menggabungkan beberapa komponen elektronik seperti perintang dan Light Emitting Diode atau mentol biasa.

Dalam pada itu, Amyrul Affendy berkata, pelupusan bateri sel kering boleh dibuat melalui kitar semula tetapi tidak wajar dilakukan secara pukal kerana bahan berkenaan masih aktif.



Volthief Stand Holder yang memenangi Anugerah Pingat Emas.



“RAMAI TIDAK MENGETAHUI BAHAWA BATERI DIGUNAKAN DALAM PERALATAN SEPERTI ELEKTRONIK, TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEHINGGA BENAR-BENAR HABIS”

Amyrul Affendy Ani,  
Pelajar Kolej Komuniti  
Hulu Langat